

BAB V

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Bab ini merupakan penutup bagi keseluruhan kajian. Pembahasan dalam bab ini adalah rumusan dan beberapa kesimpulan berdasarkan kepada kajian dan analisis dalam keseluruhan bab. Seterusnya, penulis akan membuat beberapa saranan cadangan untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Melalui kajian dan analisis yang telah dilakukan, dapat dinyatakan beberapa kesimpulan dan rumusan secara menyeluruh sebagai berikut:

Pertama, Al-Quran dan hadith adalah pedoman hidup, sumber hukum dan ajaran dalam Islam, antara satu dengan lainnya tidak dapat dipisahkan. Keduanya merupakan satu kesatuan. Al-Quran sebagai sumber pertama dan utama banyak memuat ajaran-ajaran yang bersifat umum dan global. Olehnya itu, kehadiran hadith sebagai sumber kedua berperan untuk menjelaskan keumuman isi kandungan al-Quran. Olehnya itu, fungsi hadith sebagai penjelas al-Quran banyak macamnya. Menurut Imam al-Shāfi'ī, ia terbahagi kepada tiga kategori, iaitu: memperkuat hukum-hukum yang telah didatangkan oleh al-Quran, menerang atau menghuraikan maksud al-Quran, dan mewujudkan perkara yang tidak disebutkan oleh al-Quran.

Kedua, syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī adalah seorang tokoh ulama terkemuka, bukan sahaja di alam Melayu bahkan di dunia Islam. Jiwa dan raganya telah beliau sumbangkan untuk berkhidmat kepada Islam melalui pendidikan. Semenjak kecil, Nawawi telah mengecap pendidikan Islam daripada keluarganya yang taat

beragama, kemudian berguru kepada para ulama terkenal di Banten dan Purwakarta. Ketika berusia 15 tahun Nawawi pergi ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji. Dan menetap di Makkah untuk menimba ilmu kepada ulama-ulama besar di sana. Semangat yang tinggi menyebabkan beliau berkelana mencari dan mendalami berbagai ilmu pengetahuan ke negeri-negeri lain, seperti Mesir dan Syria. Kecerdasan dan ketekunannya menghantarkan menjadi salah satu murid yang terpujikan di *Masjid al-Haram*. Ketika Syekh Ahmad Khatib Sambas uzur untuk menjadi Imam *Masjid al-Haram*, Nawawi ditunjuk untuk menggantikannya. Selain menjadi Imam Masjid, ia juga mengajar dan menyelenggarakan *halaqah* (diskusi ilmiah) bagi murid-muridnya yang datang dari pelbagai belahan dunia.

Syeikh Nawawi sangat giat dalam menulis buku. Akibatnya, ia tidak memiliki waktu lagi untuk mengajar. Dan pada tahun 1870 Nawawi mulai memusatkan perhatiannya untuk menulis dan menghasilkan karya-karya ilmiah. Ia termasuk penulis yang produktif dalam melahirkan kitab-kitab mengenai berbagai persoalan agama. Beberapa kalangan lainnya malah menyebut karya-karyanya mencecah 100 judul yang meliputi pelbagai disiplin ilmu, seperti tauhid, ilmu kalam, sejarah, syariah, tafsir, dan lainnya.

Ketiga, Perkembangan pengajian tafsir al-Quran di alam Melayu mempunyai catatan sejarah yang panjang semenjak Islam mulai bertapak di Nusantara. Namun, proses penulisan tafsir secara khusus hanya bermula pada zaman kesultanan Melayu Aceh, karya yang ditulis pada masa itu ialah tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* karangan ‘Abd al-Ra`ūf al-Singkilī yang ditulis pada pertengahan kurun ke- 17 M. Zaman ini boleh dianggap sebagai perintis yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian tafsir al-Quran di alam Melayu sehingga ke hari ini. Selepas abad ke-17, karya-karya tafsir di alam Melayu tidak dapat dikesan sehinggalah akhir abad ke-19 apabila muncul sebuah

karya tafsir berjudul *Marāḥ Labīd* karya Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī al-Jāwī yang ditulis dalam bahasa Arab, dan *Tafsīr Fayḍ al-Raḥmān fī Tarjamah Tafsīr Kalām Mālik al-Dayyān* karya Muḥammad Ṣāliḥ bin ‘Umar al-Samarānī yang dikenal dengan nama Kiai Saleh Darat, yang tulis dalam bahasa Jawa tulisan Arab-Jawi.

Keempat, Syeikh Nawawi telah memberikan sumbangannya yang sangat besar dalam menghidupkan kembali tradisi penulisan karya di bidang tafsir. Beliau menulis tafsirnya ketika dunia Islam mengalami kemerosotan dalam menghasilkan karya di bidang tersebut. Karya monumental beliau yang diberi judul: *Tafsīr Marāḥ Labīd* atau *Tafsir al-Munīr li Ma’ālim al-Tanzīl* sangat dikagumi oleh ulama di dunia Islam. Tafsir yang terdiri daripada dua jilid ini, Syeikh Nawawi hasilkan pada tahun 1305 H bersamaan tahun 1884 M, dan kemudian diterbitkan di pelbagai Negeri seperti Kaherah, Makkah, Beirut dan Indonesia. Lantaran prestasinya di bidang tafsir, para ulama menganugerahkan kepadanya gelaran “*Sayyid ‘Ulamā al-Ḥijaz*” (pemimpin ulama Hijaz). Karya ini merupakan tafsir lengkap kedua yang pernah dihasilkan oleh ulama Nusantara dan karya tafsir lengkap pertama di Alam Melayu yang ditulis dalam bahasa Arab.

Kelima, Berdasarkan analisis yang telah dijalankan terhadap keseluruhan hadith, dapat dirumuskan bahawa, kebanyakan hadith-hadith yang disebutkan mempunyai sumber periwayatannya sama ada daripada sumber *primer* ataupun *sekunder* yang jumlahnya mencecah 43 buah kitab. Hadith-hadith yang tidak diketahui sumbernya pula yang jumlahnya 11 hadith dapat ditemukan di dalam beberapa kitab tafsir yang sebahagiannya telah disenaraikan oleh Syeikh Nawawi dalam mukadimah tafsirnya sebagai rujukan utama. Kebanyakan hadith tersebut beliau kutip daripada kitab tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb* karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī.

Manakala dari sudut status atau kualiti hadith, kebanyakan hadith yang dinyatakan di dalam tafsir surah al-Baqarah daripada kitab *Marāḥ Labīd*, berada pada status hadith *ṣaḥīḥ* iaitu mewakili 50 peratus atau 27 hadith daripada keseluruhan 55 hadith, diikuti hadith berstatus *ḍa'if* 9 buah hadith, kemudian berstatus *ḥasan* sebanyak 5 buah hadith, dan *mawḍū'* 3 buah hadith serta 11 buah hadith tidak dapat diketahui statusnya. Secara keseluruhannya, hadith-hadith yang sesuai dijadikan hujah adalah sebanyak 59 peratus daripada peratusan keseluruhan iaitu gabungan jumlah antara hadith berstatus *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* sebanyak 32 buah hadith. Dengan demikian, dapat dinyatakan bahawa, bagi hadith-hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* sudah pasti tiada pertikaian lagi untuk dipegang dan dijadikan hujah. Manakala hadith-hadith yang berstatus *ḍa'if*, perlulah berhati-hati dalam berpegang dan beramal dengannya. Sedangkan hadith-hadith yang termasuk dalam kategori *mawḍū'*, penggunaannya dalam apa jua keadaan adalah dilarang. Ini kerana hadith *mawḍū'* bukanlah hadith tetapi suatu lafaz yang dicipta lalu disandarkan kepada Nabi s.a.w. sedangkan Nabi s.a.w. sama sekali tidak berkata demikian. Begitu juga halnya dengan hadith yang tidak diketahui sumber periwayatannya, perlulah berhati-hati dengannya demi mengelakkan penggunaan hadith yang tidak berautoriti.

Akhir sekali, secara keseluruhan, ketokohan Syeikh Nawawi al-Bantānī tidak perlu dipertikaikan lagi, beliau telah memberikan sumbangan sangat besar dalam menyebarkan dakwah islamiah dan menghidupkan budaya penghasilan karya ilmiah sebagaimana yang telah dirintis oleh ulama pendahulunya. *Marāḥ Labīd* adalah salah satu bukti sumbangan beliau dalam bidang tafsir al-Quran. Meskipun karya tafsir beliau memiliki banyak keistimewaan sehingga mendapat sambutan hangat dalam dunia Islam, namun tafsir ini tidak luput daripada sebarang kelemahan di antaranya, terdapat di dalam beberapa hadith atau riwayat yang *ḍa'if* dan *mawḍū'*, bahkan ada yang tidak dapat diketahui sumbernya.

5. 2 CADANGAN DAN SARANAN

Setelah menjalankan kajian ini penulis merasakan perlunya suatu cadangan atau saranan dikemukakan supaya dapat di ambil tindakan seterusnya sama ada merujuk kepada individu, masyarakat umumnya dan institusi yang terlibat.

1. Untuk menjadikan kitab tafsir *Marāḥ Labīd* sebagai kitab panduan dan rujukan, para pembaca sewajarnya mengambil sikap berhati-hati ketika membacanya, perlulah memastikan status atau kualiti hadith yang terdapat di dalam kitab tersebut, memandangkan kitab ini memuat banyak riwayat yang *ḍa'if*, *mawḍū'* dan beberapa riwayat tidak diketahui sumber periwayatannya.
2. Kajian yang telah dijalankan oleh penulis hanya memfokuskan pada surah al-Baqarah sahaja, maka penulis mencadangkan bagi pengkaji yang akan datang, agar mengkaji keseluruhan hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd*, terutama hadith-hadith yang terdapat dalam surah-surah lainnya.
3. Men-*tahqīq* kitab tafsir *Marāḥ Labīd*, dengan memasukkan hasil kajian hadith yang telah jalankan secara menyeluruh, kemudian menerbitkannya, sama ada dalam terjemahannya ataupun kitab asalnya yang berbahasa Arab, agar pembaca dapat mengetahui status hadith-hadithnya. Usaha ini sangat dialu-alukan supaya pencinta kitab tersebut terhindar daripada menggunakan hadith-hadith yang tidak autentik.
4. Kepada para ilmuwan pula dari kalangan tok guru, kiai, ustaz, guru-guru dan para imam terutamanya yang terlibat dalam mengajarkan kitab ini, agar menyatakan sumber-sumber ambilan khususnya terhadap hadith-hadith Rasulullah s.a.w. memandangkan mereka adalah golongan yang layak dan mampu untuk memimpin masyarakat menuju ke arah panduan yang benar serta membuang segala kekeliruan yang wujud.

5. Penulis ingin mencadangkan kepada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, supaya ilmu takhrij hadith dijadikan sebagai subjek wajib kepada penuntut-penuntut jurusan al-Quran dan al-Hadith, bukan sahaja di peringkat Ijazah Sarjana Muda, tapi juga di peringkat Ijazah Tinggi, supaya ilmu ini terus berkembang dan mendapat tempat di hati mereka. Selain itu, ilmu takhrij ini juga perlu diperkenalkan kepada semua pelajar di Akademi Pengajian Islam bukan hanya terbatas kepada pelajar jurusan al-Quran dan al-Hadith.

Akhirnya, penulis memanjatkan puji dan syukur hanya kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin dan pertolongan-Nya dapat menyelesaikan kajian ini. Sebagai insan *ḍa'if*, penulis percaya masih banyak lagi kelemahan dan kekurangan dalam kajian ini yang perlu diperbaiki dan dimantapkan sama ada dari sudut kandungan ataupun metodologi penulisan. Yang pastinya, segala yang benar datangnya daripada Allah s.w.t. dan segala kekurangan datang daripada diri penulis sendiri. Mudah-mudahan usaha yang kecil ini dapat menjadi amal jariah di sisi Allah s.w.t. Amin.

5.3 BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BUKU BAHASA ARAB

Al-Quran al-Karim.

‘Abd al-Razzāq, Abū Bakr ‘Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan’ānī (1983), *al-Muṣannaḡ*, taḥqīq: Ḥabīb al-Raḥmān al-A’ẓamī, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sajistānī (t.t.), *Sunan Abū Dāwūd*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.

Abū Nu’aym, Ahmad bin ‘Abd Allāh al-Aṣfahānī (1988), *Ḥulyah al-Awliyā wa Ṭabaqah al-Aṣfiyā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū al-Sa’ūd, Muhammad bin Muḥammad al-‘Imādī (t.t.), *Irshād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Quran al-Karīm, Tafṣīr Abī al-Sa’ūd*, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Abū Syahbah, Muhammad Ibn Muhammad Dr. (1408 H), *al-Isrā’iliyyāt wa al-Mawḍū’āt fī Kutub al-Tafṣīr*, Maktabah al-Sunnah.

Abū Zahw, M. Muhammad (1984) *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*, Riyadh: al-Ri’āsah al-‘Ammah li Idārah al-Buḥūth al-Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irshād.

Aḥmad Amīn (1969), *Fajr al-Islām*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī.

Ahmad bin Hanbal al-Shaybānī (1999), *Musnad Ahmad*, taḥqīq: Shu’ayb al-Arna’ūṭ, cet. 2, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

Albānī, Muhammad Nāṣir al-Dīn al- (2000), *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.

_____ (2002), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.

_____ (1992), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.

_____ (1979), *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

_____ (2000), *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.

Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullah al-Zakashī (t.t.), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Quran*, j. 1, Kaherah: Dār al-Turāth.

Baghawī, Al-Ḥusayn bin Mas’ūd al- (1997), *Ma’ālim al-Tanzīl*, taḥqīq Muhammad ‘Abd Allāh al-Namr, Riyadh: Dār Ṭaybah.

- Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al- (2003), *al-Jāmi' li Shu'ab al-Īmān*, taḥqīq: Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- _____ (2003), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, taḥqīq: Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (1989), *al-Sunan al-Ṣughrā*, taḥqīq: 'Abd al-Mu'ṭī Amīn Qa'labī, Manṣūrah: Dār al-Wafā`.
- _____ (1988), *Dalā'il al-Nubuwwah*, taḥqīq: 'Abd al-Mu'ṭī Qal'ajī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bazzār, Aḥmad bin 'Amr bin 'Abd al-Khāliq al- (1988), *al-Baḥr al-Zakḥkhār, Musnad al-Bazzār*, taḥqīq: Maḥfūz al-Raḥmān Zayn Allāh, Beirut: Mu`assasah 'Ulūm al-Quran.
- Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il bin Ibrāhīm al- (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam Ṣāleḥ bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, cet. 3, Riyadh: Dār al-Salām.
- Dāraquṭnī, 'Alī bin 'Umar al- (2004), *Sunan al-Dāraquṭnī*, taḥqīq: Shu'ayb al-Arnaūṭ, Beirut: Mu`assasah al-Risālah.
- Dārimī, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān bin Faḍl al- (2000), *Musnad al-Dārimī*, taḥqīq: Husayn Sālim Asad al-Dārānī, Riyadh: Dār al-Mughnī.
- Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al- (2004), *Tahdhīb Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, taḥqīq: Ghunaym 'Abbās Ghunaym, Kaḥerah: al-Fārūq al-Ḥadīthiyyah.
- _____ (1995), *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, taḥqīq: 'Alī Muhammad Mu'awwad et al., Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (1412), *al-Mawqizah fī 'Ilm al-Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, taḥqīq: Syeikh Abd al-Fattāḥ Abū Ghaddah, c. 2. Halab: Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.
- Dhahabī, Muhammad Husayn al- (2000), *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, Kaḥerah: Maktabah Wahbah.
- _____ (1977), *'Ilm al-Tafsīr*, Kaḥerah: Dār al-Ma'rifah.
- Fahd al-Rūmī (t.t.), *Buḥūth fī Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuh*, Riyadh: Maktabah al-Tawbah.
- Fayruzabādī, Muhammad Ibn Ya'qūb al- (1951), *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās*, Kaḥerah: Maktabah Mustafā al-Bab al-Ḥalabī.
- Ḥākim, Muhammad bin 'Abd Allāh al-Ḥākim al- (1997), *al-Mustadrak 'ala al-Ṣaḥīḥayn*, taḥqīq: Muqbil bin Hādī al-Wāda'i, Kaḥerah: Dār al-Haramayn.
- Hāmish, Dr. 'Addāb Maḥmūd al- (2000), *Muḥādarāt fī 'Ilm Takhrīj al-Ḥadīth wa Naqdih: Ta'sil wa Tatbiq*, Ammān: Dār al-Furqān.

- Ibn `Abd al-Hādī, `Abd al-Mahdī ibn `Abd al-Qādir (1987), *Ṭuruq Takhrīj Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣalla Allāh `alayh wa Sallam*, Kaherah: Dār al-Ḥiṣām,
- Ibn Abī Ḥātim, `Abd al-Raḥmān bin Muhammad al-Rāzī (1997), *Tafsīr al-Quran al-`Aẓīm Musnad an Rasūlillah wa al-Ṣaḥābah wa al-Tābi`īn*, taḥqīq: As`ad Muhammad al-Ṭayb, Riyadh: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz.
- Ibn Abī Shaybah, `Abd Allāh bin Muḥammad (2004), *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah*, taḥqīq: Ḥamad bin `Abd Allāh Jum`ah, Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn `Adī, Abū Ahmad `Abd Allāh al-Jarjānī (t.t.), *al-Kāmil fī Du`afā al-Rijāl*, taḥqīq: `Ādil Ahmad `Abd al-Mawjūd et al., Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn `Ādil, `Umar bin `Ali al-Dimashqī al-Ḥanbalī (1998), *al-Lubāb fī `Ulūm al-Kitāb*, taḥqīq: `Ādil Ahmad `Abd al-Mawjūd, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn `Asākir, `Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh bin `Abd Allāh (1995), *Tārīkh Madīnah Dimashq*, taḥqīq: `Umar Gharāmah al-`Umrawī, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Athīr, `Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan `Alī bin Muhammad al-Jazarī (1994), *Asd al-Ghābah fī Ma`rifah al-Ṣaḥābah*, taḥqīq: `Alī Muhammad Mu`awwad dan `Ādil `Abd al-Mawjūd, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin `Alī al-`Asqalānī (t.t.), *Taqrīb al-Tahdhīb*, taḥqīq: Shaghir Ahmad al-Baqistānī, Riyadh: Dār al-`Āshimah.
- _____ (1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*, taḥqīq Muhammad `Awāmah, Damshiq: Dār al-Rashīd.
- _____ (1986), *Lisān al-Miẓān*, Beirut: Mu`assasah al-A`lamī li al-Maṭbū`āt
- _____ (t.t.) *al-Kāfī al-Shāfī fī Takhrīj Aḥādīth al-Kashshāf*, t.t.p.: t.p.
- Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, taḥqīq: Shu`ayb al-Arnaūṭ, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Farj `Abd al-Rahman bin `Ali bin Muhammad (1997), *al-Mawḍū`āt min Aḥādīth al-Marfū`ah*, taḥqīq: Nūr al-Dīn bin Shukrī bin `Alī bin Buyajilar, Riyadh: Aḍwā` al-Salaf.
- Ibn Khadūn, `Abd al-Raḥmān bin Muhammad al-Ḥaḍramī (2001), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khuzaymah, Muhammad bin Ishāq (t.t.), *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, taḥqīq: Muhammad Muṣṭafā al-A`zamī, Riyadh: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī, (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma`ārif.
- Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram (t.t.), *Lisān `Arab*, j. 2, Kaherah: Dār al-Ma`ārif.

- Ibn al-Mulaqqin, 'Umar bin 'Alī bin Ahmad al-Shāfi'ī (2004), *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī'ah fī Sharḥ al-Kabīr*, taḥqīq: Muṣṭafā Abū al-Ghayth et. al., Riyadh: Dār al-Hijrah.
- Ibn Qayyim, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Abī Bakr al-Jawziyyah (1973), *Madārij al-Sālikīn*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Ibn al-Sunī (2001), *'Amal al-Yawm wa al-Laylah*, Bab mā Yaquḥ Idhā Nazal bih Karb, hadīth 338, Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Ibn Taymiyah (1971), *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr*, Taḥqīq Adnān Zarzūr, Kuwait: Dār al-Quran al-Karīm.
- 'Itr, Dr. Nūr al-Dīn (1988), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, Damsiyiq: Dār al-Fikr.
- Jabbār, Umar 'Abd al- (1982), *Siyar wa Tarājum Ba'd 'Ulamāna fī al-Qarn al-Rābi' 'Asharah lī al-Hijrah*, Jeddah: al-Nāshir Tuhāmah.
- Kaḥḥālāh, 'Umar Riḍā (1993), *Mu'jam al-Mu'allifīn, Tarājum Muṣannif al-Kutub al-Arabiah*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Khallāf, 'Abd al-Wahhāb (2002), *'Ilm 'Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Maktabah al-Dakwah al-Islamiyyah.
- Khaṭīb, Dr. Muhammad 'Ajjāj al- (1998), *Uṣūl al-Ḥadīth: 'Ulūmuh wa Muṣṭalahātuh*, Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (1988), *āl-Ṣūnnāh Qāblā āl-Ṭāḍwīn*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Khaṭīb al-Baghdādī, Ahmad bin 'Alī bin Thābit al- (2001), *Tārīkh Madīnah al-Salām*, taḥqīq: Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Khayr Ābādī, Muhammad Abū al-Layth al- (2011), *Takhrīj al-Ḥadīth: Nash'atuh wa Manhajīyyatuh*, c. 4, Bangi: Dār al-Shākir.
- Louis Ma'lūf (1992), *al-Munjid fī al-'Alām*, Beirut: Dār al-Mashriq.
- Mālik bin Anas (1997), *al-Muwatta` bi Riwayat Yaḥyā bin Yaḥyā al-Laythī*, taḥqīq: Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- _____ (1998), *al-Muwatta` bi Riwayah Abu Mus'ab al-Zuhri al-Madīnī*, taḥqīq: Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Marwazī, 'Abd Allāh ibn al-Mubāarak al- (t.t.), *al-Zuhd wa al-Raqāiq*, taḥqīq: Ḥabīb al-Raḥmān al-A'zamī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf al- (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā al-Rijāl*, taḥqīq: Dr. Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Muhammad 'Abd al-Rahim Muhammad (t.t.) *al-Tafsīr al-Nabawī: Khaṣāisuh wa maṣādiruh*, Kaherah: maktabah al-Zahra.

- Muḥammad Bayūmī Mahrān (1988), *Dirāsāt Tārīkhiyah min al-Quran al-Karīm*, c. 2, Beirut: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naysabūrī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, dalam Ṣāleḥ bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyadh: Dār al-Salām.
- Nasā'ī, Ahmad bin Shu'ayb bin 'Alī al- (t.t.), *Sunan al-Nasā'ī*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- _____ (2001), *al-Sunan al-Kubrā*, taḥqīq: Ḥasan 'Abd al-Mun'im Shablī, Beirut: Mu`assasah al-Risālah.
- _____ (1985), *al-Du'afā' wa al-Matrūkīn*, taḥqīq: Būran al-Danawī, Beirut: Mu`assasah al-Kutub al-Thaqāfah.
- Nasafī, 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al- (2005), *Tafsīr al-Nasafī*, taḥqīq: Marwan Muhammad al-Shi'ār, Beirut: Dār al-Nafā'is.
- Nawawī, Muhammad bin 'Umar al-Jāwī (1997) *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā al-Quran al-Majīd*, cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (t.t.), *Marāḥ Labīd Labīd li Kashf Ma'nā al-Quran al-Majīd*, Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- _____ (t.t.), *Bahjah al-Wasāil bi Sharḥ Masāil*, Mesir: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Qaraḍāwī, al- (1998), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qattan, Manna' al- (2000), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Quran*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____ (1987), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qummī, Nizām al-Dīn al-Ḥasan bin Muhammad al- (1996), *Gharā'ib al-Quran wa Raghā'ib al-Furqān*, taḥqīq: Zakariya 'Imrān, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Qurṭubī, Muhammad bin Ahmad bin Abī Bakr al- (2003), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Quran*, taḥqīq: Hishām Samīr al-Bukhārī, Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan al- (2000), *Mafātīḥ al-Ghayb*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ṣāleḥ bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh (2000), *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyādh: Dār al-Salām.
- Shāfi'ī, Abu'Abd Allāh Muhammad bin Idrīs al- (t.t.), *Musnad al-Shāfi'ī*, tartīb Muhammad 'Ābid al-Sanadī, taḥqīq: Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (t.t.), *al-Risālah*, taḥqīq Aḥmad Shākir, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

- Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā Al- (1997), *al-Muwāfaqāt*, Taḥqīq: Bakr bin 'Abd Allāh Abū Zayd, j. 4, al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn 'Affān.
- Sharbīnī, Muhammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al- (t.t.), *al-Sirāj al-Munīr fī al-I'ānah 'alā Ma'rifah Ba'd Ma'ānī Kalām Rabbīnā al-Ḥakīm al-Khabīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Shawkānī, Muhammad bin 'Alī al- (2000), *Irshād al-Fuḥūl ilā*, Taḥqīq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl, Riyadh: Dār al-Faḍīlah.
- Sibā'ī, Dr. Muṣṭafā, al- (2000) *al-Sunnah wa Makānatuh fi al-Tasyrī' al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Warrāq.
- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al- (t.t.), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (t.t.), *al-La'ālī al-Maṣnū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ṭabarānī, Sulaymān bin Ahmad bin Ayyūb al- (1984), *Musnad al-Shāmiyyīn*, taḥqīq: Hamdī Abd al-Mājid al-Salafī, Beirut: Mu`assasah al-Risālah.
- _____ (1983), *al-Mu'jam al-Kabīr*, taḥqīq: Ḥamdī bin 'Abd al-Majīd al-Salafī, Mawsil: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- _____ (1995), *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, taḥqīq: Ṭāriq bin 'Awd Allāh dan 'Abd al-Muḥsin al-Ḥusaynī, Kaherah: Dār al-Haramayn.
- _____ (1987), *al-Du'ā*, taḥqīq: Muḥammad Sa'īd in Muḥammad Ḥasan al-Bukhārī, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islamiyyah.
- Ṭabarī, Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī selepas ini al- (2000), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Quran*, taḥqīq: Ahmad Muhammad Shakir, Beirut: Mu`assasah al-Risālah.
- Tahhan, Dr. Mahmud al- (1979), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, Beirut: Dār al-Qurān al-Karīm.
- Tirmidhī, Muhammad bin 'Īsā al- (t.t.), *Sunan al-Tirmidhī*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- _____ (2000), *Sunan al-Tirmidhī*, dalam Ṣāleh bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyadh: Dār al-Salām.
- Uqaylī, Abū Ja'far bin Muhammad bin 'Amr bin Mūsā bin Ḥammād al- (2000), *al-Du'afā*, taḥqīq: Ḥamdī bin 'Abd al-Mājid al-Salafī, Riyadh: Dār al-Sumay'ī.
- Wāḥidī, Abū al-Ḥasan 'Ali bin Aḥmad al- (2005), *Asbāb Nuzūl al-Qurān*, taḥqīq: Māhir Yāsīn al-Faḥal, Riyadh: Dār al-Maymān.
- Zamakhsharī, Jār Allāh Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar al- (1998), *al-Kashshaf 'an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, taḥqīq: 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd et al., Riyadh: Maktabah al-'Abīkan.

Ziriklī, Khair al-Dīn al- (2002), *al-A'lām, Qāmūs Tarājum*, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.

RUJUKAN BUKU BAHASA MELAYU

Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus al-Munawwir*, Surabaya: Pustaka Progressif.
Auni Haji Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Azyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan kepulauan nusantara abad XVII dan XVIII : melacak akar-akar pembaruan pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mizan.

_____ (1989), *Perspektif Islam di Asia Tenggara*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Bruinessen, Martin van (1995), *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*, Bandung: Mizan.

Chaidar (1979), *Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi al-Bantani Indonesia*, Jakarta: CV. Sarana Utama

Didin Hafidudin (1987), *Tinjauan Atas 'Tafsir Al-Munir' Karya Imam Muhammad Nawawi Tanara*, Jurnal Intelektual Islam Indonesia, Mizan, September 1987.

Hasan Haji Hamzah, Haji (1995), *Ensiklopedia Malaysiana*, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.

Hamka (1963), *Dari Perbendaharaan Lama*, Medan: Maju.

Hasbi ash-Shiddieqy (1989), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadith*, Jakarta: Bulan Bintang.

Howard M. Federspiel (1996), *Kajian al-Quran di Indonesia, Dari Mahmud Yunus Hingga Quraish Shihab*, Bandung: Mizan.

Ikhtiar Baru Van Hoeve, PT. (1994), *Ensiklopedi Islam*, Jakarta: PT. Intermedia.

Islah Gusmian (2003) *Khazanah Tafsir Indonesia, Dari Hermeneutika Hingga ke Idiologi*, Jakarta: Teraju.

Karel A. Steenbrink (1984), *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*, Jakarta: Bulan Bintang.

Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, Bandung: Mizan.

Mahayudin Hj. Yahya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Karya Press SDN BHD

- Mamat S. Burhanuddin, Dr. M.Ag (2006), *Hermeneutika Al-Quran Ala Pesantren*, Yogyakarta: UII press.
- Muhammad Nur Lubis (2002), *Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Quran di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Noresah bt. Baharom Hajah et al (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Huda (2007), *Islam Nusantara, Sejarah Sosial Intelektual Islam Indonesia*, Jokjakarta: Ar-Ruzz Media.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Salahuddin Hamid dan Iskandar Ahza (2003), *Seratus Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta: Intimedia Ciptanusantara.
- Samsul Munir Amin (2009), *Sayyid Ulama Hijaz, Biografi Syaikh Nawawi al-Bantani*, Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2007), *Akhbar Harian Utusan Malaysia*, 15 Julai 2007.
- _____ (2009), *Koleksi Ulama Nusantara: Artikel berseri Akhbar Utusan Malaysia 2005*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- _____ (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- Zamakhsyari Dhofier (1982), *Tradisi Pesantren, Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*, Jakarta: Penerbit LP3S.

RUJUKAN BUKU BAHASA INGGERIS

- Bosworth C. E. et al (1993), *The Encyclopaedia of Islam*, Leiden: E. J. Brill.
- Hans Wehr (1976), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, New York: Spoken Language Services Inc.
- Snouck Hurgronje (1970), *Mecca in the Letter Part*, Leiden: E. J. Brill.

RUJUKAN TESIS

- Agus Sutopo (2008), *Sumbangan Nawawi al-Bantānī Dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab Tanqīḥ al-Qawl*, Disertasi MA, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur.
- Atabik Luthfi (1998), *Metodologi Kitab Tafsir al-Munir: Satu Kajian menurut Perspektif Ilmu Tafsir dan Ilmu al-Quran*, Disertasi MA, Jabatan Pengajian al-

Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Yuyun Rodiana (1990), *Syaikh Nawawi al-Bantani: Riwayat Hidup dan Sumbangannya Terhadap Islam*, Skripsi, Fakulti Sastera, Universitas Indonesia, Jakarta.

Romlah Abu Bakar Askar (2004), *Hadith al-Imām al-Baghawī Dalam Tafsir Ma'ālim al-Tanzīl: Kajian Khusus Tentang Surah al-Fātiḥah dan al-Baqarah*, Tesis Doktor Falsafah, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

RUJUKAN PERISIAN DAN LAMAN WEB

- al-Maktabah al-Shāmilah v. 3.5
- Jawāmi' al-Kalim.
- www.hadith.net.
- www.dorar.net.
- <http://hadith.al-islam.com>.
- www.ahlalhdeth.com
- <http://www.al-eman.com>
- <http://www.islamweb.net/hadith/index.php>
- <http://www.almaktba.com/index.php?cid=14>
- http://www.islamguiden.com/popuptjanster/hadith_search.html